


Komplot monopoli tender
MyCC perlu
lapor kepada
kementerian, SPRM
Muka 4



KPDNHEP, MyCC beri tumpuan lebih serius

Kegiatan penipuan masih berlaku dalam perolehan kerajaan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) memberikan tumpuan lebih serius terhadap usaha membanteras kegiatan penipuan bidaan yang masih menular dalam rangkaian proses perolehan kerajaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata setiap kementerian, agensi dan jabatan berkaitan mempunyai sistem perolehan serta pangkalan maklumat

masing-masing.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya sukar memberi jangkaan sama ada kegiatan penipuan bidaan dalam sistem perolehan kerajaan ketika ini berada pada tahap kritikal atau sebaliknya.

"Dana awam terlalu banyak, malah setiap kementerian mem-

punyai program perolehan sendiri. Jadi kalau nak kata tak wujud langsung (penipuan bidaan) adalah tak masuk akal, namun nak kata tak terlalu serius pula, kita tiada data," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

BH Ahad mendedahkan sekurang-kurangnya 10 projek kera-

jaan bernilai jutaan ringgit kini dalam siasatan MyCC kerana syarikat kontraktor yang memenangi tender terbabit disyaki berkomplot dalam bidaan hingga menyebabkan ketirisan dana awam.

Siasatan itu dibuat susulan aduan dan maklumat diterima MyCC mengenai taktik kontraktor serta pembekal yang membentuk komplot dalam pakatan untuk membuatkan sesuatu nilai kontrak menjadi lebih tinggi.

Dalam kes pertama diambil tindakan oleh MyCC pada Mac lalu, lapan syarikat teknologi maklumat (IT) dikenakan penalti RM1.92 juta kerana terbabit dengan komplot bidaan terhadap beberapa tender ditawarkan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Saifuddin berkata MyCC yang ditubuhkan pada 2011 apabila Akta Persaingan 2010 diwujudkan mengambil masa dua tahun untuk merungkai kes penipuan bidaan membabitkan tender ditawarkan ASWARA kerana kes berkenaan sangat rumit.



Muka depan *BH* semalam.